

DALAM TRIBUNAL KOPERASI
KES NO: T-271-2022 DI BILIK PROSIDING KUALA LUMPUR

GOVINDARAJOO A/L G. ARUMUGAM

Pemohon

DAN

KOPERASI MCIS BERHAD

Responden

Ahli Panel:

Puan Arleen binti Ramly (Pengerusi Tribunal Koperasi)

Encik Cik Soh @ Mohd Shahrudin bin Ismail (Anggota Panel SKM)

Encik Mohamad Jaapar bin Muhyat (Anggota Panel Koperasi)

ALASAN AWARD

LATARBELAKANG KES

1. Dalam kes ini, Pemohon adalah bekas Bendahari Responden yang telah digantung oleh Mesyuarat Lembaga pada 17 Disember 2021.

2. Tuntutan Pemohon adalah beliau telah salah digantung oleh Mesyuarat Lembaga pada 17 Disember 2021. Pemohon juga mengatakan bahawa beliau telah salah tidak dibenarkan untuk bertanding untuk menjadi perwakilan pada 2022 melalui surat 20 Jun 2022. Maka, Pemohon memohon di mukasurat 11 Borang A terpinda seperti berikut:

(i) Satu Perintah bahawa penggantungan Pemohon sebagai Anggota Lembaga Responden pada 17 Disember 2021 adalah tidak sah, tidak teratur, terbatal dan adalah bertentangan dengan Undang-Undang Kecil Responden dan Akta Koperasi 1993 dan harus dibatalkan dengan segera merta;

(ii) Satu Perintah bahawa tindakan Responden dalam menolak Borang Pencalonan Pemohon sebagai Perwakilan Individu-Perak adalah tidak sah, tidak teratur, terbatal dan adalah bertentangan dengan Undang-Undang Kecil Responden dan Akta Koperasi 1993 dan harus dibatalkan dengan serta merta;

(iii) Satu Perintah memerintahkan Responden membayar Gantirugi Am dan/atau Gantirugi khas dan/atau Gantirugi Teladan dan/atau Gantirugi Teruk kepada Pemohon dengan serta merta;

(iv) Satu Perintah memerintahkan Responden membayar dan/atau menanggung rugi dan/atau memampas segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemohon termasuk kos bayaran fi/yuran guaman Pemohon pada dasar peguamcara dan klien kepada Pemohon;

(v) Satu Perintah Tribunal Koperasi ini memberi kebebasan dan kebenaran untuk Pemohon untuk memohon sekiranya Responden gagal atau cuai atau enggan mematuhi Perintah-Perintah atau mana-mana satu Perintah yang dibuat oleh Tribunal Koperasi ini; dan

(vi) Sebarang perintah atau relif lanjut atau lain, samada secara perintah-perintah interlokutori/interim dan/atau muktamad, sepertimana Tribunal Koperasi ini mendapati suai manfaat.

3. Bicara dijalankan pada 9 dan 10 Januari 2023. Ikatan-ikatan dokumen untuk kes adalah terdiri dari:

(i) Borang A terpinda sebagai Ikatan A

(ii) Borang B sebagai Ikatan B

(iii) Ikatan Dokumen Pemohon sebagai Ikatan C

Pemohon mengemukakan 2 orang saksi dan Responden mengemukakan 1 orang saksi.

ISU YANG MENJADI PERTIKAIAN DAN HUJAHAN PIHAK-PIHAK

4. Peguam Pemohon menghujahkan seperti berikut:

No.	Peristiwa-Peristiwa	Eksibit	Tarikh
1.	Perintah Mengemukakan Dokumen menurut Seksyen 30(1)(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 diserahkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kepada Responden	P1	08-12-2020
2.	Responden telah menyerahkan dokumen-dokumen yang diminta oleh SPRM di Pejabat SPRM Perak		11-12-2020
3.	Mesyuarat Lembaga Khas/Tergempar Bil. 3-2020/2021 Koperasi MCIS Berhad untuk membincangkan 1 agenda sahaja berkenaan siasatan kehadiran dan siasatan SPRM	R1	28-12-2020
4.	Mesyuarat Lembaga Bil. 5-2020/2021 Koperasi MCIS Berhad untuk membincangkan siasatan SPRM		10-03-2021
5.	Responden menyerahkan surat bersama dengan Laporan Penyiasatan dan Rekomendasi Pengurusan kepada SPRM	P2	16-03-2021

6.	Borang Pencalonan Anggota Lembaga Kategori Perwakilan Anggota Individu diserahkan oleh Pemohon kepada Responden dan Responden telah menerima Borang Pencalonan tersebut	P3	02-12-2021
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (EXCO) Bil. 07-2021 Koperasi MCIS Berhad	P4	09-12-2021
8.	Notis Mesyuarat Lembaga Bil. 09-2020/2021 Koperasi MCIS Berhad yang merangkumi hanya 10 Agenda dikeluarkan	P5	09-12-2021
9.	Responden menyatakan menerima Surat Layang tanpa nama, tandatangan dan butiran lain pengirim		15-12-2021
10.	Mesyuarat Lembaga Bil. 9-2020/2021 Koperasi MCIS Berhad diadakan dengan menyelitkan satu agenda terbaru untuk menghalang Pemohon daripada bertanding dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58 dengan memberikan 2 pilihan samada Pemohon Tarik diri secara sukarela daripada bertanding dalam Mesyuarat Agung tersebut atau digantung menurut UUK40(2).	P6	16-12-2021
11.	Mesyuarat Lembaga Khas – 2020/2021 Koperasi MCIS Berhad diadakan untuk menggantung Pemohon 1 hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58 dengan alasan bahawa Pemohon gagal memberikan surat penarikan diri	R2	17-12-2021
12.	Surat Penggantungan Pemohon dihantar oleh Responden kepada Pemohon melalui Whatsapp	P7	17-12-2021
13.	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58 telah diadakan		18-12-2021
14.	Pemohon hantar surat kepada Responden untuk minta Responden buat Laporan Polis terhadap Rasalingam (Kes Tribunal No. T-381-2019)		13-05-2022
15.	Pemohon failkan tindakan tuntutan terhadap Responden di Tribunal Koperasi	P8	19-05-2022

16.	Notis Mesyuarat Agung Kawasan 2022/2023 diberikan kepada Pemohon selaku Anggota Koperasi MCIS Berhad	P9	30-05-2022
17.	Pemohon telah memfailkan Borang Pencalonan Perwakilan Individu Kawasan Perak		
18.	Responden telah menolak Borang Pencalonan Perwakilan Individu Kawasan Perak Pemohon	P10	20-06-2022
19.	Pemohon melalui Peguamcara menghantar surat kepada Responden untuk mendapatkan penjelasan Responden berkenaan penolakan Borang Pencalonan Perwakilan Individu Kawasan Perak	P11	22-06-2022
20.	Pemohon menerima surat penjelasan Responden yang tidak munasabah dan salah disisi undang-undang	P12	23-06-2022
21.	Pemohon melalui Peguamcara menghantar surat kepada Responden semula untuk mendapatkan penjelasan semula berkenaan sandaran undang-undang yang diguna pakai oleh Responden dalam penolakan borang pencalonan tersebut	P13	24-06-2022
22.	Pemohon menerima email daripada Responden berkenaan penjelasan yang sama dan salah disisi undang-undang	P14	25-06-2022
23.	Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan Perak Tahun 2022/2023 Koperasi MCIS Berhad telah diadakan		28-06-2022
24.	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-59 Koperasi MCIS Berhad telah diadakan dan Agenda Pertama adalah berkenaan penggantungan Pemohon. Mesyuarat telah membuat keputusan untuk menyerahkan kepada keputusan Tribunal Koperasi memandangkan Pemohon sudah failkan tindakan di Tribunal Koperasi		03-09-2022

5. Peguam Pemohon selanjutnya menghujahkan bahawa Responden telah bertindak untuk menggantung Pemohon pada 17 Disember 2021 berdasarkan kepada satu surat layang bertarikh 15 Disember 2021 (mukasurat terakhir Lampiran G-Ikatan B) yang kononnya menggesa Responden untuk mengambil tindakan terhadap Pemohon kerana adanya siasatan oleh SPRM. Sehingga tarikh hujahan bertulis difailkan, Pemohon tidak pernah dirakamkan percakapan ataupun ditahan ataupun didakwa oleh SPRM. Kesemua fakta ini menunjukkan bahawa Responden telah dengan sengaja dan *mala fide* menggantung Pemohon pada 17 Disember 2021 sebagai Anggota Lembaga Responden untuk menghalang beliau untuk bertanding dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58 yang diadakan pada 18 Disember 2021 dan Mesyuarat Agung Perwakilan Kawasan Tahun 2022/2023 yang telah diadakan pada 28 Jun 2022. Ini disokong oleh keterangan SR1 dalam Pemeriksaan Balas seperti berikut:-

S2: *Sila rujuk kepada Kenyataan (ii) dalam Penyata Saksi Responden Pertama. Boleh anda sahkan aduan kepada SPRM terhadap Pemohon hanya setakat disiasat?*

J2: *Hanya disiasat.*

S3: *Setuju Pemohon tidak pernah ditahan sehingga sekarang?*

J3: *Saya kurang pasti kerana saya tidak diberitahu apakah tindakan SPRM.*

Responden sendiri telah menghantar Laporan Penyiasatan dan Rekomendasi Pengurusan Koperasi MCIS Berhad atas Perintah SPRM mengemukakan Dokumen bertarikh 22 Februari 2021 kepada SPRM melalui surat Responden bertarikh 16 Mac 2021 (P2) untuk membersihkan nama Pemohon setelah mendapati tawaran tender dan tuntutan perjalanan Pemohon adalah teratur dan berdasarkan kelaziman yang berlaku sedia kala. Responden juga mengesahkan telah menyemak segala tuntutan tersebut dan diluluskan oleh Lembaga Koperasi MCIS Berhad. Oleh itu, penggantungan Pemohon pada 17 Disember 2021 sebagai Anggota Lembaga dan Bendahari berdasarkan kepada UUK 40(2)(b) adalah tidak munasabah dan Responden juga gagal membuktikan bagaimana Pemohon memudaratkan kepentingan Responden. Justeru itu, berdasarkan kepada kesemua fakta ini menunjukan SPRM hanya menyiasat Pemohon dan tiada sebarang pertuduhan di mahkamah. Oleh itu, penggantungan Pemohon pada 17 Disember 2021 yang hanya bergantung kepada aduan melalui surat layang semata-mata adalah tidak sah, tidak teratur, terbatal dan bertentangan dengan Undang-Undang Kecil Responden dan Akta Koperasi 1993.

6. Peguam Pemohon menghujahkan penggantungan Pemohon sebagai Anggota Lembaga Koperasi pada 17 Disember 2021 adalah salah di sisi undang-undang. Pertamanya, Pemohon tidak diberikan Notis dan Alasan Penggantungan secara

bertulis, tidak diberikan masa untuk mendapatkan nasihat peguam, tiada peluang untuk membalas Notis Penggantungan dan tiada peluang untuk membela diri dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan yang terawal. Fakta-fakta di bawah menunjukkan tindakan penggantungan yang dilaksanakan secara tergesa-gesa oleh Responden pada 17 Disember 2021 terhadap Pemohon adalah *mala fide* dan mempunyai unsur-unsur malis:-

(a) Satu Jawatankuasa Bertindak/Siasatan ditubuhkan dalam Mesyuarat Lembaga Khas/Tergempar Bil. 33-2020/2021 Koperasi MCIS Berhad yang bersidang pada 28 Disember 2020 (R1) (Lampiran E – Ikatan B). Walau bagaimanapun dalam tempoh perbincangan diadakan pada mesyuarat tersebut, SR1, selaku Setiausaha ketika itu telah menerima pesanan ringkas (SMS) daripada Penolong Pengurus Besar, Encik Manimaran yang memaklumkan kepadanya bahawa siasatan awal berkaitan aduan penyerahan tender dan tuntutan perjalanan Pemohon adalah ditutup. Kemudian Pengurus telah mencadangkan Jawatankuasa Bertindak/Siasatan tidak perlu bersidang kerana tidak ada kes. Ini disokong oleh keterangan SR 1 seperti berikut dalam pemeriksaan balas:-

S7: *Sila rujuk kepada Lampiran E Ikatan B dalam Pernyataan Jawapan Koperasi MCIS. Boleh anda sahkan bahawa ini adalah Minit Mesyuarat Lembaga Khas pada 28-12-2020 yang disemak oleh anda sendiri sebagai Setiausaha Koperasi MCIS pada Ketika itu?*

J7: *Ya.*

S8: *Setuju dengan saya bahawa satu-satunya agenda Mesyuarat Lembaga Khas bertarikh 28 Disember 2020 ini adalah membincangkan siasatan SPRM terhadap Bendahari ketika itu iaitu Pemohon dalam tindakan ini?*

J8: *Ya.*

S9: *Sila rujuk kepada Perenggan terakhir di mukasurat 3 minit mesyuarat tersebut. Setuju dengan saya bahawa Lembaga Koperasi MCIS memutuskan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak/Siasatan berkenaan aduan ini?*

J9: *Setuju.*

S10: *Setuju dengan saya bahawa anda sendiri telah menerima mesej daripada Penolong Pengurus Besar Koperasi MCIS bahawa siasatan aduan kepada SPRM ditutup?*

J10: *Setuju. Saya terima SMS.*

S11: *Merujuk kepada mukasurat 4 Minit ada dinyatakan seperti berikut di perenggan "walau bagaimanapun..." dibacakan. Setuju dengan saya bahawa Koperasi MCIS merakamkan dalam Minit ini bahawa tidak ada siasatan lanjut oleh SPRM?*

J11: *Benar. Berdasarkan Minit ini saya telah menerima SMS dari Penolong Pengurus Besar menyatakan kes ini telah ditutup.*

(b) Dalam Mesyuarat Lembaga Bil.5-2020/2021 Koperasi MCIS Berhad yang bersidang pada 10 Mac 2021 telah membincangkan semula isu berkenaan siasatan SPRM melalui Agenda 8.4. dan membentangkan Laporan Dalaman yang disediakan oleh Responden (Lampiran F – Ikatan B) di mana Pengerusi berpendapat bahawa dokumen-dokumen telah disemak dan disokong oleh pengurusan Responden dan diluluskan oleh Lembaga. Laporan Perakuan Pegawai SPRM menyatakan kes telah ditutup terhadap Pemohon. Mesyuarat mengambil keputusan yang bertentangan dengan Perakuan Pegawai SPRM bahawa tuntutan perjalanan Pemohon sebelum ini masih dalam siasatan SPRM dan Mesyuarat memutuskan tiada hak ke atas isu tersebut. Ini disokong dengan keterangan SR1 seperti berikut dalam pemeriksaan balas:-

S15: *Sila rujuk kepada Lampiran F dalam Pernyataan Jawapan Koperasi MCIS. Boleh anda sahkan bahawa ini adalah Minit Mesyuarat Lembaga pada 10-03-2021 yang disemak oleh anda sendiri sebagai Setiausaha Koperasi MCIS pada Ketika itu?*

J15: *Ya.*

S16: *Rujuk Agenda 2(e). Setuju dengan saya bahawa Minit Mesyuarat Lembaga Khas pada 28-12-2020 disahkan dan diterima sebulat suara?*

J16: *Ya.*

S17: *Rujuk Agenda 8.4. Setuju dengan saya bahawa Lembaga Koperasi MCIS memutuskan dokumen-dokumen tuntutan Pemohon diluluskan oleh Lembaga Koperasi MCIS?*

J17: *Dibacakan. Setuju.*

S18: *Setuju dengan saya bahawa Lembaga Koperasi MCIS dimaklumkan tiada kes atas siasatan aduan tender?*

J18: *Setuju dengan apa yang diberitahu pada saya tidak ada surat menyurat.*

S19: *Saya ingin anda mendedahkan siapa beritahu bahawa aduan tuntutan perjalanan Pemohon masih dalam siasatan SPRM?*

J19: *Penolong Pengurus Besar yang sentiasa menghubungi Pihak SPRM.*

S20: *Ada terima surat rasmi daripada SPRM tentang ini?*

J20: *Tidak ada.*

S21: *Siapa pihak pengurusan?*

J21: *Encik Manimaran Penolong Pengurus Besar.*

S22: *Adakah Encik Manimaran menjadi saksi pada pagi ini?*

J22: Tidak.

S23: Adakah pernyataan anda tadi telah diplidkan pada mana-mana bahagian Ikatan B? Ya tau tidak?

J23: Tidak

S24: Setuju dengan saya bahawa Lembaga Koperasi MCIS memutuskan Lembaga Koperasi MCIS tidak ada hak atas isu ini?

J24: Setuju.

S30: Sila rujuk kepada Kenyataan (xiii) dalam Soalan Saksi Responden Pertama. Jadi walaupun Koperasi MCIS tahu kes masih dalam tahap siasatan, namun Koperasi MCIS gantung Pemohon?

J30: Dibacakan.

S31: Mengapa?

J31: Kerana pihak koperasi berpendapat ianya menjejaskan imej koperasi. Beliau sendiri bersetuju untuk menarik diri.

(c) Responden telah menghantar satu Laporan Penyiasatan dan Rekomendasi Pengurusan atas Perintah SPRM (P2) untuk membersihkan nama Pemohon. Ini disokong dengan keterangan SR1 seperti berikut dalam pemeriksaan balas:-

S11(a): Sila rujuk lampiran D Ikatan B. Sila rujuk mukasurat 6 dan perakuan SPRM berkaitan siasatan iaitu di 2 perenggan terakhir. Boleh Encik bacakan perenggan ini?

J11(a): Dibacakan.

S11(b): Adakah apa yang dinyatakan dalam perakuan daripada SPRM berkaitan siasatan berkenaan dan tuntutan perjalanan pemohon adalah benar?

J11(b): Benar.

S11(c): Surat bertarikh 16/3/2021 telah dihantar kepada SPRM bersama laporan penyiasatan bersama rekomendasi kepada SPRM telah dihantar untuk membersihkan nama pemohon?

J11(c): Ini telah dihantar kepada Responden untuk membersihkan nama Pemohon.

S11(d): Menurut percakapan antara Penolong pengurus Besar kepada SPRM adalah betul atau tidak?

J11(d): Saya tandatangan surat tersebut tetapi Penolong Pengurus Besar yang berurusan dengan SPRM.

(d) Pemohon telah memfailkan Borang Pencalonan Anggota Lembaga Kategori Perwakilan Anggota Individu pada 2 Disember 2021 (P3) dan Borang Pencalonan tersebut diterima oleh Responden pada 2 Disember 2021 tanpa apa-apa bantahan. Ini disokong oleh keterangan SP1 seperti berikut dalam PSP1:-

S16: Sila rujuk kepada dokumen pada mukasurat 14 hingga 19 dalam Ikatan Dokumen Pemohon. Sila beritahu Tribunal ini apakah dokumen ini?

J16 : *Ini adalah Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (Exco) Responden yang telah bersidang pada 09-12-2011 dimana Notis dan Agenda Mesyuarat Lembaga Responden pada 16-12-2021 dikeluarkan. Minit Mesyuarat ini terdapat di Ikatan C ditandakan sebagai P4.*

(e) Satu Notis Mesyuarat Lembaga Bil.09-2020/2021 Koperasi MCIS Berhad untuk bersidang pada 16 Disember 2021 (P5) telah dikeluarkan pada 9 Disember 2021 yang hanya merangkumi 10 Agenda sahaja.

(f) Satu Mesyuarat Lembaga Bil.09-2020/2021 Koperasi MCIS Berhad telah bersidang pada 16 Disember 2021 (P6) dengan penambahan satu Agenda terbaru diselitkan sebagai Agenda 11 untuk membincangkan semula siasatan SPRM kerana Responden terima surat layang bertarikh 15 Disember 2021. Pada 10 Mac 2021 dalam Mesyuarat tersebut Responden telah mengambil keputusan bahawa Responden tiada hak berkenaan isu tuntutan perjalanan Pemohon. Dalam Mesyuarat ini pula Lembaga berpendapat tindakan Pemohon tidak berhema berdasarkan kepada surat layang tersebut. Lalu, Lembaga terus memberikan dua (2) pilihan dengan paksaan kepada Pemohon seperti berikut :-

- i. Beliau diminta menarik diri secara suka rela daripada bertanding dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahun ke-58 yang akan diadakan pada 18-12-2021*
- ii. UUK40(2) seorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika-*
 - (b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota Lembaga itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini, menurut peraturan '*

Setelah dipaksa, diugut, didesak dan tekanan oleh pihak Lembaga, maka Pemohon telah bersetuju untuk menarik diri daripada bertanding sebagai calon Anggota Lembaga (Pilihan Pertama) dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58. Kedua-dua pilihan yang diberikan oleh Lembaga merupakan taktik untuk menghalang Pemohon daripada bertanding dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58. Ini disokong dengan keterangan SP1 seperti berikut dalam PSP1:-

S18 : *Adakah anda ada menghadiri Mesyuarat Lembaga Responden pada 16-12-2021 ?*

J18 : *Ya. Saya telah mengambil bahagian dalam perbincangan 10 Agenda tersebut. Saya terkejut apabila segelintir ahli Lembaga Responden membawa satu agenda baru tanpa notis. Agenda ini membabitkan satu surat layang bertarikh 15-12-2021 terhadap saya.*

Saya telah membantah perkara ini. Saya telah meminta Lembaga Responden mematuhi Undang-Undang Kecil Responden dalam mempertimbangkan agenda baru tersebut. Lembaga Responden menolak permintaan saya.

Saya terus diberi dua pilihan oleh Lembaga Responden samada saya menarik diri secara suka rela daripada bertanding sebagai Anggota Lembaga Responden dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58 Responden pada 18-12-2021 ataupun digantung dari jawatan sebagai Anggota Lembaga Responden.

Saya diberi tekanan berterusan oleh Lembaga Responden untuk bersetuju untuk menarik diri daripada bertanding. Saya akhirnya mengalah kepada tekanan berterusan tersebut.

S19: Sila rujuk kepada Penyataan Jawapan Responden. Sila lihat Lampiran G. Rujuk kepada mukasurat terakhir disana. Apakah dokumen ini?

J19: Ini adalah surat layang tersebut. Tidak ada nama dan tandatangan penulis. Fitnah disana adalah saya disiasat oleh SPRM. Fitnah ini dibuat sekali lagi selepas setahun. Ini cuma satu rekaciptaan untuk menghalang saya menjadi Anggota Lembaga Responden.

S20: Sila rujuk kepada dokumen pada mukasurat 22 hingga 30 dalam Ikatan Dokumen Pemohon. Sila beritahu Tribunal ini apakah dokumen ini?

J20: Ini adalah Minit Mesyuarat Lembaga Responden pada 16-12-2021. Saya ingin menyatakan bahawa minit Agenda 11 adalah palsu dan tidak benar kerana tidak ada sebarang keputusan sebulat suara dibuat oleh Lembaga Responden dan juga tidak ada siasatan oleh SPRM. Minit Mesyuarat ini terdapat di Ikatan C ditandakan sebagai P6.

Unsur paksaan ini dikukuhkan lagi menerusi Akaun Berkanun P15 serta keterangan SP2 seperti berikut dalam PSP2:-

S6: Sila rujuk kepada dokumen pada mukasurat 22 hingga 30 dalam Ikatan A Dokumen Pemohon. Sila beritahu Tribunal ini apakah dokumen ini dan samada anda bersetuju dengan kandungan ini?

*J6: Ini adalah Minit Mesyuarat Lembaga Responden pada 16-12-2021. Saya tidak bersetuju dengan minit Agenda 11 kerana tidak ada sebarang keputusan sebulat suara dibuat oleh Lembaga Responden. Pada masa itu, tidak ada siasatan oleh SPRM. Yang ada hanyalah satu surat layang tanpa nama dan tandatangan terhadap Pemohon. **Saya tidak bersetuju dalam keputusan yang diambil oleh Lembaga Responden terhadap Pemohon dan selepas melihat paksaan yang dibuat oleh Lembaga kepada Pemohon.***

Pemohon berhujah bahawa isu paksaan ini bukanlah rekaan semata-mata tetapi ia juga disokong oleh SP2 iaitu Pengerusi Responden pada waktu material.

(g) Satu Mesyuarat Khas-2020/2021 Koperasi MCIS Berhad telah diadakan pada 17 Disember 2021 (R2) iaitu sehari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58 untuk menggantung Pemohon dengan alasan bahawa Pemohon tidak menyerahkan surat penarikan diri daripada bertanding dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58. Ini disokong dengan keterangan SP1 seperti berikut dalam PSP1:-

S21 : Apakah telah berlaku selepas Mesyuarat Lembaga Responden yang telah diadakan pada 16-12-2021 ?

J21 : Lembaga Responden menggantung saya sebagai Anggota Lembaga Responden pada 17-12-2021. Satu surat penggantungan jawatan bertarikh 17-12-2021 dihantar melalui pesanan Whatsapp oleh kakitangan Responden kepada saya.

S22 : Sila rujuk kepada dokumen pada mukasurat 31 dalam Ikatan Dokumen Pemohon. Sila beritahu Tribunal ini apakah dokumen ini?

J22 : Ini adalah surat penggantungan tersebut. Dokumen ini boleh terdapat di Ikatan C ditandakan sebagai P7.

S23: Adakah anda tahu mengapa Lembaga Responden memecat anda satu hari sebelum pemilihan Pengarah pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58 pada 18-12-2021?

J23: Untuk menghalang saya daripada bertanding. Responden juga terbabit dalam kes Rujukan Kes Pertikaian T-381 Tahun 2019 di Tribunal Koperasi di antara Rasalingam A/L Kanagalingam dan Responden. Rasalingam adalah bekas Pengerusi dan Bendahari dan Anggota Lembaga Responden. Saya telah meminta Pengerusi Lembaga Responden semasa untuk membuat laporan polis terhadap Rasalingam bagi memperkuatkan kes ini. Rakan-rakan Rasalingam dalam Lembaga Responden pada ketika itu cuba menghalang saya hadir sebagai saksi Responden dan untuk mencemarkan nama baik dan reputasi saya sebelum saya memberi keterangan sebagai saksi Responden dalam kes tersebut.

Selepas penggantungan ini dirancang oleh mereka, saya ada sekali lagi mengingatkan Responden untuk membuat laporan polis melalui surat saya bertarikh 13-05-2022. Responden enggan berbuat demikian bagi membantu Rasalingam walaupun ini bertentangan dengan kewajipan Lembaga Responden.

Fakta ini juga disokong dengan keterangan daripada SR1 adalah seperti berikut dalam pemeriksaan balas:-

S34: *Semasa mesyuarat Lembaga pada 16 Disember 2021 Encik Gunaraj berkata memilih untuk tarik diri. Betul?*

J34: *Ya.*

S35: *Tadi Encik Gunaraj kata minta Pemohon menghantar surat pada 16 Disember 2021. Sila nyatakan dalam P6 di mana requirement untuk menghantar surat terdapat keperluan untuk Pemohon untuk menghantar surat?*

J35: *Tidak ada di dalam minit.*

S36: *Saya cadangkan surat untuk tarik diri tidak diminta untuk diberikan oleh Pemohon pada 16 Disember 2021?*

J36: *Pada 16 Disember 2021, selepas beliau menyatakan dia menarik diri, untuk pengetahuan Lembaga kita perlu sokong dengan surat untuk persiapan pemilihan ALK dan beliau telah meminta seorang staf Bernama Thilaga untuk menyediakan surat penarikan diri.*

S37: *Adakah pihak responden membawa Puan Thilaga sebagai saksi pada pagi ini?*

J37: *Tidak.*

S38: *Adakah penggantungan pemohon hanya semata-mata kerana tidak menghantar surat tarik diri? Ya atau tidak?*

J38: *Ya.*

S39: *Dimana requirement yang menyatakan surat penarikan diri adalah perlu untuk mengantung seseorang anggota Lembaga yang dinyatakan dalam UUK atau Akta Koperasi?*

J39: *Di dalam UUK 40(2).*

7. Peguam Pemohon menghujahkan Responden tergesa-gesa menggantung Pemohon pada 17 Disember 2021 dengan mengabaikan segala prosedur-prosedur yang harus ditepati untuk menggantung seorang Anggota Lembaga menurut Undang-Undang Kecil Responden dan Akta Koperasi 1993 semata-mata untuk menghalang Pemohon daripada bertanding dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58 yang diadakan pada 18 Disember 2021. Ini disokong dengan keterangan SP1 adalah seperti berikut dalam PSP1:-

S25(a): *Adakah Encik diberi notis secara bertulis oleh Responden berkenaan alasan pengantungan?*

J25(a): *Tidak.*

S25(b): *Adakah Responden memberi peluang kepada Encik untuk membalas notis tersebut?*

J25(b): *Tidak.*

S25(c): *Adakah Responden memberi peluang kepada Encik untuk membela diri pada Mesyuarat Agung ke-58 yang telah diadakan pada 18-12-2021?*

J25(c): *Tidak.*

Keterangan SR1 lagi mengukuhkan fakta ini bahawa Responden langsung tidak mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk menggantung Pemohon yang menyandang jawatan sebagai Anggota Lembaga dan Bendahari adalah seperti berikut dalam pemeriksaan balas:-

S40: *Setuju dengan saya responden telah menggantung pemohon menurut UUK 40(2)(b)?*

J40: *Ya.*

S41: *Setuju tidak ada surat tunjuk sebab diberikan pada pemohon?*

J40: *Ya.*

S42: *Setuju tidak ada penjelasan bertulis daripada pemohon?*

J42: *Tidak.*

S43: *Saya cadangkan tiada sebarang penjelasan daripada pemohon kerana tidak ada surat tunjuk sebab dikeluarkan oleh Responden?*

J43: *Ya.*

S44: *Apakah prosedur-prosedur yang dilakukan Koperasi untuk menggantung seseorang anggota?*

J44: *Mesyuarat akan berbincang dengan anggota Lembaga dan Lembaga akan memutuskan apakah tindakan yang perlu diambil. Jika mesyuarat memutuskan untuk menggantung, maka akan diberikan surat dan akan dibawa ke Mesyuarat Agung Tahunan.*

S45: *Saya cadangkan sebelum seseorang anggota Lembaga digantung, beliau harus diberi surat tunjuk sebab, penjelasan bertulis daripada pemohon dan peluang untuk membela diri kemudian Mesyuarat Lembaga Khas akan bersidang untuk berbincang dalam hal tindakan ini dan prosedur-prosedur ini tidak diikuti oleh Responden. Benar atau tidak?*

J45: *Tidak.*

S46: *Pada mesyuarat Lembaga bertarikh 16 Disember 2021 pihak Lembaga telah diberikan dua pilihan kepada pemohon samada untuk tarik diri atau menggantung. Berdasarkan peruntukkan mana dua pilihan ini diberikan kepada pemohon?*

J46: *Rujuk UUK 40(2).*

S47: *Sila rujuk UUK peruntukan 40(3) Ikatan A. Bukankah prosedur 3(a), (b), (c) dan (d) harus dipatuhi sebelum menggantung seseorang Lembaga?*

J47: *Kita patuh.*

S48: *Sila rujuk kepada UUK 40(3)(a), bukankah seseorang anggota harus diberi peluang didengar dalam mesyuarat terawal pada 18 Disember 2021, bukankah begitu?*

J48: *Tidak.*

S49: *Baca UUK 40(3)(b). Adakah surat penggantungan diberikan kepada Pemohon dalam masa 7 hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan diadakan?*

J49: *Ada.*

S50: *Bila surat penggantungan tersebut diberikan kepada Pemohon dan cara apa?*

J50: *Kita minta pihak pengurusan menghantar melalui Whatsapps.*

S51: *Adakah pemohon diberikan peluang untuk membela diri pada Mesyuarat 16 Disember 2021?*

J51: *Tidak.*

8. Peguam Pemohon kini merujuk perhatian Tribunal Yang Mulia ini kepada Undang-Undang Kecil Responden (UUK) 40(3) yang dikemukakan dalam Tab 10 dalam Ikatan A menyatakan seperti berikut:-

"40 (3) Tiap-tiap kes penggantungan menurut perenggan (b) fasal (2), hendaklah-

- (a) didengar oleh mesyuarat agung perwakilan yang terawal diadakan selepas penggantungan itu;*
- (b) anggota Lembaga itu telah diberitahu secara bertulis akan kesalahannya dalam masa tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan;*
- (c) anggota Lembaga itu diberi peluang membela diri dalam mesyuarat agung perwakilan tersebut;*
- (d) keputusan penggantungan anggota Lembaga tersebut hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh majoriti perwakilan yang hadir di dalam mesyuarat agung perwakilan itu."*

Setelah meneliti Pemohon mendapati UUK 40(3) adalah kabur dan kurang jelas berkenaan prosedur-prosedur yang harus dilaksanakan sebelum menggantung Anggota Lembaga. Disebabkan kekurangan dan kelemahan dalam UUK tersebut, Responden menyalahgunakan kuasa dalam menggantung Pemohon pada 17 Disember 2021 sehari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-58 tanpa mengambil kira hak asasi Pemohon. Maka, berdasarkan kepada fakta-fakta kes dan keterangan-keterangan saksi-saksi adalah memang Responden telah gagal untuk mematuhi prosedur-prosedur yang sewajarnya menurut undang-undang dalam penggantungan Pemohon yang menyandang jawatan sebagai Anggota Lembaga dan Bendahari. Oleh itu, penggantungan yang dilaksanakan oleh Responden terhadap Pemohon adalah tidak sah, tidak teratur, terbatal dan bertentangan dengan UUK.

9. Pemohon telah menerima Notis Mesyuarat Agung Kawasan 2022/2023 pada 30 Mei 2022 (P9) daripada Responden. Pemohon telah menyerahkan Borang Pencalonan Perwakilan Individu-Perak kepada Responden pada awal bulan Jun 2022. Pemohon telah memenuhi segala kriteria-kriteria seperti yang dinyatakan dalam

Notis tersebut. Kriteria-kriteria yang dinyatakan dalam Notis tersebut adalah seperti berikut:-

*“**UUK 26(5)** Seseorang anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut undang-undang kecil 16 pada tiga bulan sebelum tarikh mesyuarat agung Kawasan berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung Kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi seorang perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.*

***UUK 26(6)** Pencalonan untuk mengisi jawatan perwakilan seseorang anggota hendaklah dibuat dengan menggunakan borang pencalonan rasmi yang boleh diperolehi daripada setiausaha Koperasi. Setiap pencalonan hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat dan pekerjaan calon dan hendaklah dicadang dan disokong oleh dua orang anggota individu yang lain yang layak menurut perenggan (a) undang-undang kecil 16 dan hendaklah disampaikan kepada pejabat berdaftar Koperasi ini tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat agung Kawasan.”*

Namun begitu, Responden telah menolak Borang Pencalonan Pemohon sebagai Perwakilan Individu-Perak pada 20 Jun 2022 (P10). Tindakan penolakan Borang Pencalonan Pemohon sebagai Perwakilan Individu-Perak pada 20 Jun 2022 adalah salah di sisi Undang-Undang. Ini adalah kerana Responden berpegang kepada alasan penggantungan Pemohon pada 17 Disember 2021 dan UUK 40(4). Responden telah menggantung Pemohon pada 17 Disember 2021 menurut UUK 40(2)(b). UUK 40(2)(b) menyatakan seperti berikut:-

“40 (2) Seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika-

- (a) sesuatu Langkah perbincaraan diambil terhadap anggota Lembaga itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan menurut subseksyen 47(1) Akta; atau*
- (b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota Lembaga itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini, menurut Peraturan.”*

Pemohon melalui Peguamcaranya menulis surat bertarikh 22 Jun 2022 (P11) dan 24 Jun 2022 (P13) untuk mendapatkan penjelasan penolakan borang pencalonan tersebut. Responden melalui surat bertarikh 23 Jun 2022 (P12) dan emel bertarikh 25 Jun 2022 (P14) menyatakan bahawa penolakan borang pencalonan tersebut adalah berdasarkan kepada UUK 40(4). Pemohon berhujah bahawa penggantungan Pemohon pada 17 Disember 2021 adalah sebagai Anggota Lembaga sahaja dan bukannya menggantung keanggotaan Pemohon dalam Koperasi MCIS Berhad.

Rujukan Responden kepada UUK 40(4) untuk menolak borang pencalonan adalah salah di sisi undang-undang. Ini adalah kerana UUK 40(4) berkaitan dengan fungsi, hak dan tugas seorang Anggota Lembaga sahaja bukannya Anggota Respondan. Ini telah dijelaskan dalam surat-surat Pemohon bertarikh 22 Jun 2022 dan 24 Jun 2022. Responden tidak mengendahkan penjelasan yang diberikan oleh Pemohon dan minta Pemohon rujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Sehubungan dengan itu, Pemohon telah memfailkan satu Notis Permohonan bertarikh 15 September 2023 untuk meminda Borang A bagi memasukkan perkara ini dalam Borang A dan satu Perintah telah diberikan Tribunal Koperasi pada 30 September 2023 untuk pindaan yang dipohon oleh Pemohon (**Sila dirujuk kepada Ikatan A**). Pemohon tetap sebagai seorang Anggota Responden. Pemohon hanya digantung sebagai Anggota Lembaga sahaja. Ini disokong dengan keterangan SP1 seperti berikut dalam PSP1:-

S26: *Adakah kesemua kriteria, hak dan kelayakan untuk menjadi seorang perwakilan telah dinyatakan oleh Responden dalam Notis tersebut?*

J26: *Ya. Saya juga ada memfailkan Borang Pencalonan sebagai Perwakilan Individu-Perak.*

S27: *Sila rujuk kepada dokumen pada mukasurat 34 dalam Ikatan Dokumen Pemohon. Sila beritahu Tribunal ini apakah dokumen ini?*

J27: *Ini adalah surat Responden bertarikh 20-06-2022 menolak Borang Pencalonan saya atas alasan saya telah digantung sebagai Anggota Lembaga Responden pada 17-12-2021. Surat Responden ini boleh terdapat di Ikatan C ditandakan sebagai P10.*

S28: *Sila rujuk kepada dokumen pada mukasurat 35-36 dalam Ikatan Dokumen Pemohon. Sila beritahu Tribunal ini apakah dokumen ini?*

J28: *Ini adalah surat Peguamcara saya bertarikh 22-06-2022 kepada Responden. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengapa Borang Pencalonan saya ditolak dan atas dasar apa penolakan ini dibuat. Dokumen ini boleh terdapat di Ikatan C ditandakan sebagai P11.*

S29: *Adakah Responden memberi apa-apa penjelasan?*

J29: *Ya. Responden telah pada 23-06-2022 mengulangi bahawa saya telah digantung sebagai Anggota Lembaga Responden pada 17-12-2021 dan saya tidak ada sebarang hak. Dokumen ini boleh terdapat di Ikatan C ditandakan sebagai P12.*

S30: Sila rujuk kepada dokumen pada mukasurat 39 hingga 40 dalam Ikatan Dokumen Pemohon. Sila beritahu Tribunal ini apakah dokumen ini?

J30: Ini adalah surat Peguamcara saya bertarikh 24-06-2022. Saya telah membantah alasan Responden. Saya hanya bertanding sebagai Perwakilan Kawasan. Pergantungan saya sebagai Anggota Lembaga tidak ada kena mengena dengan Borang Pencalonan saya. Saya telah memberi peluang kepada Lembaga Responden untuk memperbetulkan ketidakadilan ini. Dokumen ini boleh terdapat di Ikatan C ditandakan sebagai P13.

S31: Sila rujuk kepada dokumen pada mukasurat 41 hingga 42 dalam Ikatan Dokumen Pemohon. Sila beritahu Tribunal ini apakah dokumen ini?

J31: Ini adalah emel Responden bertarikh 25-06-2022. Responden dengan angkuh meminta saya merujuk perkara ini kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Dokumen ini boleh terdapat di Ikatan C ditandakan sebagai P14.

Undang-Undang Kecil Responden 40 (4) menyatakan seperti berikut:-

“UUK 40(4) **Anggota Lembaga** yang dikenakan tindakan penggantungan itu hendaklah-

- (a) **diberhentikan semua hak atau fungsi atau tugas berkenaan dengan jawatan itu; dan**
- (b) **diberhentikan semua saraan yang diterima semasa memegang jawatan.**”

Pemohon berhujah bahawa Responden telah salah tafsir UUK 40(4) dan kurang arif dan tidak memahami penggunaan UUK 40 (4) tersebut. Ini disokong dengan keterangan SR1 seperti berikut dalam pemeriksaan balas:-

S56: Setuju dengan saya selepas menggantung pemohon sebagai anggota Lembaga, pemohon masih menjadi anggota MCIS?

J56: Ya.

S57: Setuju saya katakan bahawa Pencalonan Perwakilan Individu Pemohon ditolak oleh Responden?

J57: Ya.

S58: Responden telah menolak borang pencalonan perwakilan individu pada 20 Jun 2022. Betul?

J58: Ya.

S59: Setuju saya katakan bahawa borang pencalonan perwakilan individu pemohon telah ditolak kerana beliau telah digantung sebagai anggota Lembaga?

J59: Ya.

S60: Saya cadangkan bahawa penggantungan pemohon sebagai anggota Lembaga adalah tidak ada kaitan dengan pencalonan perwakilan individu. Ya atau tidak?

J60: Tidak.

S61: Saya cadangkan tiada peruntukan yang menghalang Pemohon untuk bertanding sebagai Perwakilan Individu Kawasan Perak atas alasan dia digantung diperingkat Lembaga?

J61: Merujuk kepada UUK 40(4)(a) disebabkan digantung telah ditarik hak.

S62: Saya cadangkan rujukan kepada UUK 40(4)(a) yang dibuat oleh Responden untuk menolak borang pencalonan perwakilan individu adalah salah?

J62: Tidak setuju.

Jelas daripada keterangan daripada Responden bahawa Lembaga Responden telah salah tafsir berkenaan peruntukkan UUK 40(4)(a). Pemohon berhujah bahawa UUK40(4)(a) hanya memperuntukkan anggota Lembaga yang dikenakan tindakan penggantungan hendaklah diberhentikan semua hak atau fungsi atau tugas berkenaan dengan jawatan itu. Tiada peruntukan yang mengatakan bahawa anggota Lembaga yang digantung **tidak layak untuk bertanding dalam Perwakilan Kawasan**. Justeru itu, Pemohon berhujah bahawa penolakan borang pencalonan tersebut oleh Responden pada 20-06-2023 atas alasan bahawa Pemohon telah digantung sebagai anggota Lembaga **adalah tidak sah, tidak teratur, terbatal dan adalah bertentangan dengan Undang-Undang Kecil Responden dan Akta Koperasi 1993.**

10. Jika Tribunal ini mendapati bahawa Pemohon telah berjaya membuktikan bahawa penggantungan ini adalah tidak sah dan terbatal, maka Pemohon berhak untuk menuntut ganti rugi am dan khas. Tindak-tanduk Responden yang

membelakangkan undang-undang “*audi alteram partem*” dalam prosedur untuk mengantung Pemohon sebagai Anggota Lembaga adalah satu kecuaiian yang amat serius dan memalukan. Hak Pemohon untuk didengar di bawah Perlembagaan Persekutuan langsung tidak diendahkan. Oleh yang demikian, sebagai pengajaran Responden hendaklah dihukum untuk membayar gantirugi yang sewajarnya kepada Pemohon.

Gantirugi Khas

Pemohon telah mengalami kerugian-kerugian seperti Elaun Bulanan, Elaun Perjalanan, Yuran Guaman, Honorarium, Reputasi dan imej akibat penggantungan beliau pada 17 Disember 2021 oleh Responden yang tidak berlandaskan UUK dan Akta Koperasi. Memetik keterangan Pemohon berkenaan isu ganti rugi seperti berikut dalam PSP1:-

S1: *Apakah bayaran-bayaran yang sepatutnya diterima anda sekiranya anda tidak digantung pada 17 Disember 2021?*

J1: *Elaun bulanan RM4,200.00 x 13 bulan sebanyak RM54,600.00. Kenapa 13 bulan adalah kerana board mistake tidak benarkan saya untuk contest. Jika saya contest saya pasti akan menang. Jadi kiraan 13 bulan saya adalah dari 17 Disember 2021 hingga 10 Januari 2023.*

S2: *Selain elaun bulanan ini, adakah anda menerima bayaran lain?*

J2: *Bayaran Hororarium RM13,000.00 hingga RM15,000.00 setahun.*

S3: *Adakah Encik mengalami kerugian dari segi perjalanan dari Ipoh ke Kuala Lumpur untuk menghadiri kes anda?*

J3: *Ada sebanyak RM300 x 20 kali dengan jumlah RM6,000.00 tetapi saya tidak ada bukti resit dan sebagainya.*

S4: *Adakah Encik mengalami kerugian dari segi penginapan?*

J4: *Sudah termasuk.*

S5: *Adakah anda membelanjakan yuran guaman untuk mengendalikan tindakan ini?*

J5: *Ya.*

S6: *Berapa?*

J6: **RM15,000.00** resit akan ditunjukkan kemudian.

S7: Adakah anda mengalami kerugian dari segi imej dan reputasi anda?

J7: Ya.

S8: Berapakah jumlah kerugian itu?

J8: **RM50,000.00**

S9: Adakah ganti rugi yang dipohon untuk relief (iii) ialah **RM50,000.00**?

J9: Ya.

S10: Adakah ganti rugi relief untuk (iv) **RM15,000.00**?

J10: Ya.

Ini juga disokong dengan keterangan daripada SR1 seperti berikut dalam pemeriksaan balas:-

S63: Setuju bahawa pemohon mengalami kerugian yang tidak dapat di kuantifikasikan?

J63: Tidak Setuju.

S64: Setuju bahawa pemohon menanggung rugi kerana terpaksa melantik peguamcara dan terpaksa datang dari Ipoh untuk menghadiri kes ini akibat penggantungan yang dilakukan pada 17 Disember 2021?

J64: Setuju.

S65: Sila maklumkan kepada Tribunal bayaran-bayaran yang perlu dibayar kepada pemohon oleh Koperasi sebagai anggota Lembaga / Bendahari sekiranya pemohon tidak digantung? Sila nyatakan apakah jenis bayaran dan berapakah jumlahnya?

J65: Sebagai ahli Lembaga beliau mendapat sebanyak **RM4,200.00** dan sebagai Bendahari beliau mendapat elaun hadir mesyuarat Lembaga **RM800.00** untuk ahli Lembaga dan bila dipanggil mesyuarat exco pemohon boleh claim **RM1,000.00** dan pemohon juga berhak menuntut elaun perjalanan mengikut kilometer atau perbatuan terpulang kepada dia jika ambil train dan sebagainya.

S66: Selain daripada elaun, adakah ada bayaran lain yang sepatutnya dibayar kepada beliau?

J66: Seseorang ahli Lembaga menerima **Honorarium** selepas cadangan **Honorarium** diluluskan peringkat Mesyuarat Agung Tahunan dan diangkat ke peringkat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk kelulusan dan selepas itu Anggota Lembaga Koperasi (ALK) akan menerima pembahagian **Honorarium**. Selain dari itu tidak ada.

Rumusan kerugian yang dialami oleh Pemohon akibat penggantungan yang salah, tidak sah dan tidak selaras dengan UUK dan Akta Koperasi oleh Responden pada 17 Disember 2023 dan **Ganti Rugi Khas** yang dituntut oleh Pemohon untuk relief 23(iii) dan 23(iv) Pernyataan Pertikaian Terpinda (Ikatan A) adalah seperti berikut:-

a)Elaun Bulanan (RM4,200.00 x 13 bulan)	=	RM54,600.00
b)Honorarium Tahunan	=	RM15,000.00
c)Perbelanjaan Perjalanan dan Penginapan (RM300.00 x 20 kali)	=	RM6,000.00
d)Yuran Guaman	=	RM15,000.00

Gantirugi Am

Pemohon juga pohon **Ganti Rugi Am dan/atau Ganti Rugi Teladan dan/atau Ganti Rugi Teruk** seperti yang dituntut oleh Pemohon di relief 23(iii) Pernyataan Pertikaian Terpinda (Ikatan A) ditentukan oleh Tribunal Yang Mulia ini sekiranya Tribunal mendapati penggantungan Pemohon adalah salah, tidak sah dan terbatal serta penggantungan tersebut juga tidak selaras dengan UUK dan Akta Koperasi. Selain itu, Pemohon juga memohon gantirugi punitif daripada Responden kerana secara *mala fide* telah menggunakan nama pengerusi pada ketika itu, Dr Arumugam Saminathan sebagai pihak yang telah memberi arahan untuk mengeluarkan surat penggantungan kepada Pemohon. Memetik keterangan Dr Arumugam Saminathan, SP 2, semasa Pemeriksaan Utama dalam PSP2:-

S8: *Sila rujuk kepada dokumen pada Lampiran H dalam Pernyataan Jawapan Responden. Sila beritahu Tribunal ini apakah dokumen ini ?*

J8: *Ini adalah Minit Mesyuarat Lembaga Khas yang telah diadakan pada 17-12-2021.*

S9: *Adakah anda mempengerusikan Mesyuarat ini ?*

J9: *Tidak. Nama saya disalahgunakan. Kandungan disana tidak benar. Saya tidak memberi arahan kepada sesiapa untuk menghantar surat penggantungan kepada Pemohon. Saya sebenarnya berada di satu perjumpaan di Crystal Crown Hotel pada masa itu.*

S10: *Sila rujuk kepada dokumen pada mukasurat 43 hingga 44 dalam Ikatan Dokumen Pemohon. Sila beritahu Tribunal ini apakah dokumen ini ?*

J10: *Ini adalah Akuan Berkanun saya pada 09-08-2022. Ini adalah kerana saya telah dengan serta-merta membantah kepada keseluruhan Minit Mesyuarat Lembaga Khas bertarikh 17-12-2021 apabila dibacakan kepada saya ketika cooperative planning meeting di Hilton Hotel pada 20-01-2022. Ahli Lembaga Pengarah yang hadir bersetuju untuk menukar Minit Mesyuarat Lembaga Khas bertarikh 17-12-2021 tetapi tidak berbuat demikian. Maka, saya telah membuat Akuan Berkanun untuk mendedahkan kebenaran. Akuan Berkanun ini boleh terdapat di Ikatan C dan ditandakan sebagai P15.*

Adalah jelas daripada keterangan SP 2 bahawa nama beliau telah disalahguna bagi mengeluarkan surat penggantungan Pemohon sebagai anggota Lembaga. Lantaran itu, keesahan Surat Penggantungan juga dipersoalkan dan menjadi tanda tanya. Jelas bahawa Surat Penggantungan tersebut telah dikeluarkan tanpa autoriti dan bersifat *mala fide* bagi menyingkirkan Pemohon. Oleh yang demikian, sebagai pengajaran kepada pihak Responden, pihak Responden hendaklah dihukum untuk membayar pampasan yang tinggi kepada Pemohon. Secara kesimpulannya, adalah wajar untuk Pemohon menuntut ganti rugi khas bagi segala kehilangan manfaat dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemohon akibat penggantungan tersebut. Pemohon juga wajar mendapatkan ganti rugi am dan/atau ganti rugi teladan dan/atau ganti rugi teruk bagi kehilangan reputasi dan kerosakan imej sebagai seorang Pengurus Syarikat di Ipoh Perak dan juga seorang yang terkemuka di Perak dan Kuala Lumpur dalam bidang Insurans akibat penggantungan tersebut.

11. Responden memohon award dirakamkan kepada Pemohon bagi perintah-perintah berikut daripada Tribunal Yang Mulia ini;

- i. Satu perintah bahawa penggantungan Pemohon sebagai Anggota Lembaga pada 17 Disember 2021 adalah sah dan teratur mengikut UUK dan Akta Koperasi 1993.
- ii. Pemohon diperakui masih menjadi Anggota Koperasi MCIS Berhad selagi tidak digugurkan keanggotaan.
- iii. Responden memohon tidak perlu membayar kos perbelanjaan pemohon berkaitan kes ini dan kos ganti rugi atas tindakan pemohon sendiri yang merujuk pertikaian ini kepada tribunal dan pemohon juga adalah anggota kepada Koperasi MCIS Berhad hingga kini.
- iv. Pemohon digantung dari meneruskan perkhidmatan sebagai Anggota Lembaga oleh Keputusan Mesyuarat Lembaga yang bersidang pada 17 Disember 2021 dan tidak tersenarai dalam pemilihan semula Anggota Lembaga di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 58 pada 18 Disember 2021. Ketika itu tempoh menjadi Anggota Lembaga Pemohon tamat dan pemilihan tiga (3) Anggota Lembaga akan dipilih semula mengikut UUK 39(1) & (2). Oleh kerana itu Responden tidak tanggung bayaran perbelanjaan dan tuntutan dari pemohon dalam kes ini.
- v. Kekaburan dan ketidak selarasan didalam UUK Koperasi MCIS Berhad berkaitan keanggotaan dan lain-lain perkara perlu dibuat cadangan perubahan dan pindaan dalam UUK melalui usul pindaan dan dibentang di Mesyuarat Agung Kawasan-Kawasan seterusnya di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

12. Responden menghujahkan keputusan penggantungan jawatan Anggota Lembaga ke atas En. Govindarajoo a/l G.Arumugam :

i)Tindakan ini dibuat setelah mendapat keputusan majoriti Anggota Lembaga di Mesyuarat Anggota Lembaga pada 17 Disember 2021 setelah Pemohon diberikan keterangan mengenai pertuduhan yang dibacakan dalam mesyuarat Lembaga pada 16 Disember 2021, agenda 11. Berkaitan juga laporan dan siasatan SPRM oleh anggota koperasi. Seterusnya tindakan pihak Koperasi MCIS Berhad melaksanakan tindakan penggantungan bagi perkara yang merujuk kepada UUK 40(2)(b) ;

'Seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika; (b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota Lembaga itu telah bertindak dengan cara memudaratkan kepentingan koperasi itu', menurut Peraturan.

ii) Pemohon juga telah memersetujui untuk memberikan komitmen dengan persetujuan untuk menarik diri sebagai calon Anggota Lembaga dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 58 yang akan diadakan pada 18 Disember 2021 dan pemohon juga bersetuju untuk menyediakan surat penarikan diri tersebut serta menyerahkan kepada pihak pengurusan tetapi kemudiannya Pemohon dengan sengaja tidak berbuat demikian menyebabkan keputusan pengantungan beliau diputuskan berpandukan persetujuan dalam mesyuarat sebelumnya.

iii) Pengantungan Pemohon telah diambil maklum dalam MAPT pada 18 Disember 2021 dengan tidak menyenaraikan nama Pemohon dalam senarai Pemilihan Anggota Lembaga yang bertanding semula dan Pemohon juga tidak hadir dalam mesyuarat tersebut.

iv) Pemohon telah memberikan penjelasan di MAPT dimana Pemohon telah hadir dan membentangkan pembelaannya. Seterusnya keputusan MAPT telah bersetuju untuk menangguk pengesahan penggantungan keatas Pemohon sehingga keputusan Tribunal diperolehi.

v) Pihak Pengurusan Koperasi MCIS Berhad telah menerima keputusan Mesyuarat Lembaga pada 17 Disember 2021 untuk menghentikan semua hak dan saraan keatas Pemohon selaras dengan UUK 40(4)(a)(b).

Dengan hujahan ini pihak Responden memohon Keputusan Tribunal memihak kepada keputusan Lembaga Koperasi MCIS Berhad yang bertindak menggantung dan memberhentikan semua hak dan semua saraan yang diterima oleh Pemohon mulai 17 Disember 2021 selaras dengan UUK 40(4)(a)(b).

13. Responden menolak permohonan Pemohon untuk membayar kos perbelanjaan dan ganti rugi yang dituntut dalam kes ini dimana tindakan pemohon sendiri yang merujuk pertikaian ini kepada tribunal dan pemohon juga adalah anggota kepada Koperasi MCIS Berhad sehingga kini.

14. Peguam Pemohon dalam hujahan balasnya menyatakan bahawa semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 58 bagi tahun 2021 yang telah diadakan pada 18 Disember 2021, isu berkenaan penggantungan Pemohon tidak dibincangkan. Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 59 bagi tahun 2022 diadakan pada 3 September 2022. Semasa Mesyuarat ini, mesyuarat telah membincangkan berkenaan penggantungan Pemohon yang mana mesyuarat telah membuat keputusan menyerahkan kepada keputusan Tribunal Koperasi memandangkan Pemohon telah memfailkan tindakan di Tribunal Koperasi. Peruntukan yang relevan berkenaan dengan penggantungan dan penamatan seseorang Anggota Lembaga di dalam sesebuah Koperasi adalah di bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

21(4)-Mana-mana anggota Lembaga yang digantung boleh ditamatkan tertakluk kepada pengesahan majoriti anggota yang diberikan di mesyuarat agung terawal yang diadakan selepas penggantungan itu.

21(6)-Jika penamatan mana-mana anggota Lembaga tidak disahkan oleh mesyuarat agung, koperasi hendaklah mengekalkan jawatan anggota itu dan apa-apa elaun yang sepatutnya kena dibayar kepada anggota itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

Adalah dihujahkan, tiada pengesahan majoriti yang dibuat di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahun 2021 berkenana penggantungan Pemohon seperti mana diperuntukkan di bawah Peraturan 21(4) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. Selanjutnya, dengan merujuk kepada Peraturan 21(6) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, penamatan Pemohon sebagai Anggota Lembaga tidak disahkan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2021, maka Pemohon masih dikekalkan jawatan sebagai Anggota Lembaga Koperasi. Mesyuarat Agung berikutnya yang telah diadakan pada 3 September 2022 iaitu semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2022 yang mana mesyuarat membuat keputusan untuk menyerahkan isu penggantungan Pemohon tersebut kepada Tribunal Koperasi untuk diputuskan. Tiada juga pengesahan majoriti sepertimana diperuntukkan di bawah Peraturan 21(4). Sehingga Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2022, pihak Responden masih beranggapan bahawa Pemohon adalah merupakan Anggota Lembaga yang digantung dan oleh itu, isu penggantungan Pemohon tersebut telah diputuskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2022. Dengan merujuk kepada Peraturan 21(6), penamatan Pemohon sebagai Anggota Lembaga tidak disahkan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2022, maka Pemohon masih dikekalkan jawatan sebagai Anggota Lembaga Koperasi. Oleh itu juga berhujah bahawa keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2022 yang memutuskan menyerahkan kepada Tribunal untuk menentukan isu penggantungan Pemohon adalah melanggar dengan peruntukan Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan tidak sah di sisi undang-undang. Responden sendiri telah membuat pilihan untuk mengekalkan jawatan Pemohon sebagai Anggota Lembaga Koperasi Responden sehinggalah ke tarikh pemfailan hujahan balas Pemohon pada 20 Mac 2023. Peguam Pemohon menghujahkan Tribunal perlu melaksanakan apa yang dinyatakan di Peraturan 21(6) Peraturan-Peraturan 2010. Rujukan kepada kes **Sii Toh Siong v Hung Ming Chung (2000) 2 CLJ 48** berkenaan interpretasi perkataan *shall* yang menjadi mandatori dan bukan direktori. Maka, Pemohon sehingga ke hari ini masih kekal sebagai Anggota Lembaga dan segala hak sebagai Anggota Lembaga mestilah diberikan dan dikekalkan kepada Pemohon. Hak-hak sebagai Anggota Lembaga Koperasi sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 44, 45 dan 46 Akta 502 beserta dengan hak-hak di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi MCIS Berhad, termasuklah hak untuk dipilih dalam pemilihan semula Anggota Lembaga di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tertinggi berikutnya juga adalah masih dikekalkan kepada Pemohon. Pemohon dengan ini memohon masih dikekalkan jawatan sebagai Anggota Lembaga Koperasi Responden berdasarkan kepada peruntukan Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, award yang diberikan oleh Tribunal adalah berkuatkuasa secara retrospektif yang memberi kesan bahawa Pemohon adalah tidak pernah digantung dan / atau ditamatkan sebagai Anggota Lembaga Koperasi Responden dan selaras dengan itu, Pemohon sebagai Anggota Lembaga Koperasi yang sah sehingga sekarang adalah dibenarkan untuk dipilih dalam pemilihan semula Anggota Lembaga Koperasi Responden di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan

Tahunan berikutnya yang akan diadakan pada tahun 2023 ini. Secara amnya, apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah, termasuklah award yang akan diberikan oleh Tribunal mempunyai kesan kuat kuasa kebelakang. Rujukan kes **Maria Chin Abdullah v Pendakwa Raya (2016) 3 MLRH 279**.

KEPUTUSAN PANEL TRIBUNAL KOPERASI

15. Bebanan yang perlu Panel Tribunal pertimbangkan di dalam kes ini adalah adakah atas imbangan kebarangkalian Pemohon telah membuktikan tuntutan mereka. Tuntutan Pemohon adalah di perenggan 2 dan juga perenggan 14 di atas bagi maksud perenggan 2(vi).

16. Panel Tribunal secara sebulat suara mendapati setelah mempertimbangkan kesemua keterangan yang diberikan, dokumen-dokumen yang difailkan dan hujahan-hujahan pihak-pihak, Pemohon telah berjaya membuktikan tuntutannya. Panel Tribunal bersetuju dengan semua hujahan peguam Pemohon di peringkat hujahan di perenggan 5 hingga 9 di atas dan di peringkat hujahan balas di perenggan 14 di atas dalam menyokong membuktikan tuntutan Pemohon.

17. Berkaitan dengan gantirugi yang perlu diawardkan, Panel Tribunal juga menerima kesahihan hujahan di perenggan 10 di atas.

18. Dengan itu, Panel Tribunal bersetuju memberikan relif-relif di bawah. Perlu dimaklumkan pengiraan gantirugi khas adalah sehingga Mac 2023 (bulan keputusan kes ini diberi) kerana adanya perintah relif no (iii) di bawah dan kerana tidak diketahui bila akan diadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan bagi tahun 2023:

(i) Satu Perintah bahawa penggantungan Pemohon sebagai Anggota Lembaga Responden pada 17 Disember 2021 adalah tidak sah, tidak teratur, terbatal dan adalah bertentangan dengan Undang-Undang Kecil Responden dan Akta Koperasi 1993 dan harus dibatalkan dengan serta merta;

(ii) Satu Perintah bahawa tindakan Responden dalam menolak Borang Pencalonan Pemohon sebagai Perwakilan Individu-Perak adalah tidak sah, tidak teratur, terbatal dan adalah bertentangan dengan Undang-Undang Kecil Responden dan Akta Koperasi 1993 dan harus dibatalkan dengan serta merta;

(iii) Satu Perintah bahawa Pemohon dengan ini masih dikekalkan jawatan sebagai Anggota Lembaga Koperasi Responden berdasarkan kepada peruntukan Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 yang memberi kesan bahawa Pemohon adalah tidak pernah digantung dan / atau ditamatkan sebagai Anggota Lembaga Koperasi Responden sejak 17 Disember 2021;

(iv) Satu Perintah bahawa Pemohon sebagai Anggota Lembaga Koperasi yang sah sehingga sekarang adalah dibenarkan untuk dipilih dalam pemilihan semula Anggota Lembaga Koperasi Responden di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan berikutnya yang akan diadakan pada tahun 2023 ini;

(v) Satu Perintah memerintahkan Responden membayar Gantirugi Am/ Gantirugi Teladan/ Gantirugi Teruk sebanyak RM20,000;

(vii) Satu Perintah memerintahkan Responden membayar Gantirugi Khas seperti berikut:


(a) Elaun bulanan (RM4,200 x 16 bulan - Disember 2021 hingga Mac 2023) = RM67,200

(b) Honorarium Tahunan (2022 dan 2023) (RM15,000 x 2 tahun) = RM30,000

(c) Perbelanjaan perjalanan dan penginapan (RM300 x 20 kali) = RM6,000;

(viii) Satu Perintah membayar kos guaman sebanyak RM15,000.

Bertarikh 28 Mac 2023


Arleen Binti Ramly
Pengerusi Tribunal Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia